

Berita Ba UTeM

www.utem.edu.my | edisi Oktober 2013



ISSN 1985 - 4706



Majlis Kanuakeszen ke- 9 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




LG
173
.M44
.B47
2013
a
Oct

2013

UTeM

Isi Kandungan Oktober

- 2 Majlis Konvokesyen ke-9
- 3 My Beautiful Campus
- 4 UTeM Tuan Rumah Mesyuarat APUCEN ke 2
- 5 UTeM Semarakkan Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia
- 6 UTeM Iktiraf Kecemerlangan Ahli Akademik
- 7 Pengajuran PROVSEC 2013 Lonjak Nama UTeM Di Persada Antarabangsa
- 8 ICE SEAM 2013
- 9 Penyelidik UTeM Menyerlah Di BIOMALAYSIA 2013
- 10 Pemimpin Mahasiswa Diseru Berfikiran Kreatif dan Inovatif
- 11 Pasukan ORACLE VEHICLE Wakili UTeM Ke Peringkat Akhir #fit2drive
- 12 Kelab Keusahawanan UTeM Anjur Karnival Jualan IT
- 13 Penerbit UTeM Anjur Pameran dan Jualan Buku Akademik 2013
- 14 Mahasiswa UTeM Tekad Perangi Rasuah
- 15 Kembara Persaudaraan Islam UTeM Di Kemboja Disambut Baik Oleh Masyarakat Setempat
- 16 Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Harimau Muda B
- 17 UTeM Tekad Beri Persembahan Terbaik Di Sukum 2013
- 18 Temasya Olahraga Tahunan UTeM



26 Oktober : Dewan Besar UTeM hari ini menyaksikan seramai 2,113 graduan menerima ijazah mengikut bidang pengajian masing-masing dalam Majlis Konvokesyen Ke-9 pada tahun ini.

Majlis Konvokesyen Ke-9 disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Melaka Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Tun Mohd Khalil Yaakob selaku Canselor UTeM.

Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam satu kenyataan pada sidang media berkata, graduan yang dihasilkan pada tahun ini meningkat berbanding jumlah graduan pada tahun lepas.

"Pada tahun ini, seramai 1,548 orang graduan menerima ijazah sarjana muda, 215 graduan bergelar sarjana manakala seramai 348 orang menerima diploma dan dua calon akan dianugerahkan ijazah kedoktoran," jelas beliau.

"Penghasilan graduan kompeten dalam sektor industri sentiasa menjadi fokus utama UTeM agar keperluan negara untuk memiliki pakar-pakar kejuruteraan dan ICT sentiasa dipenuhi," katanya.

Majlis Konvokesyen Ke-9 menyaksikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir. Idris Haron dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Kejuruteraan sebagai menghargai jasa dan sumbangan beliau kepada negeri Melaka khususnya UTeM.

Pada sesi yang sama, Tun Canselor turut menyempurnakan pelantikan mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Ismail Saleh sebagai Pro Canselor Kedua UTeM.



My Beautiful Campus 2013

8 Oktober: Bertempat di Dataran Canselor Kampus Induk telah berlangsungnya majlis perasmian program gotong-royong My Beautiful Campus yang disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Program My Beautiful Campus merupakan kesinambungan daripada program My Beautiful Malaysia bertujuan menyemai rasa cinta warna universiti terhadap kebersihan dan keindahan kawasan kampus.

Dalam ucapan perasmian, Dr. Ahmad Yusoff menyeru seluruh warga kerja universiti agar berganding bahu memastikan keindahan kawasan kampus sentiasa terpelihara seterusnya mewujudkan persekitaran yang kondusif.



Beliau kemudiannya bersama-sama pegawai-pegawai kanan universiti menanam pokok sebagai simbolik kepada pelancaran program tersebut.

Peserta yang mengambil pada majlis itu kemudiannya dibahagikan mengikut kumpulan dan melaksanakan tugas seperti mengelat, membersihkan kawasan sekitar Dataran Canselor serta menanam pokok bunga.



Universiti Teknikal Malaysia Melaka

No. Kawalan

87516213

No. Panggilan

Tarikh

20 OCT 2013

UTeM

Tuan Rumah
Mesyuarat

APUCEN ke-2

21 Oktober: UTeM hari ini menjadi tuan rumah mesyuarat 2nd Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Pengarah Pusat Perhubungan Industri UTeM, Prof. Madya Dr. Chong Kuan Eng berkata, APUCEN merupakan satu rangkaian serantau institusi pengajian tinggi yang mempromosikan budaya kerjasama komuniti-universiti.

Jelas beliau, APUCEN dianggotai oleh institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) di negara ini dan UTeM diberi penghormatan selaku tuan rumah mesyuarat pada kali ini.

"APUCEN bertindak sebagai platform kepada hubungan antara universiti dan komuniti melalui pelbagai program

melibatkan mahasiswa serta staf institusi terlibat," kata Dr. Chong ketika ditemui.

Beliau menambah, rangkaian tersebut turut menyebarluas maklumat, perkongsian pengetahuan dan sumber bagi menggalakkan penyertaan universiti bersama komuniti seterusnya memacu perkembangan dan kesejahteraan bersama.

Antara IPTA terlibat dalam mesyuarat APUCEN ialah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM),



UTeM Semarakkan sambutan *Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM)*

25 Oktober : UTeM dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar hari ini menganjurkan Program Tanaman 1,000 Pokok bersempena sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) bertempat di Tasik UTeM.

Program tersebut dirasmikan oleh Y.B. Datuk Md. Yunos Husin, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau Dan Inovasi mewakili Ketua Menteri Melaka.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan penghargaan kepada UTeM dan Jabatan Alam Sekitar di atas inisiatif menghijaukan bumi melalui program penanaman pokok yang dijalankan serta berharap usaha murni itu akan berterusan.

Hadir sama ke majlis itu, Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka, Hj Abdul Hapiz A. Samad serta peserta Jejak Mesra Rakan Alam Sekitar (JMRAS) yang tiba dengan konvoi 30 buah kenderaan.

Datuk Yunos bersama tetamu kenamaan lain kemudiannya menanam pokok di sekitar Tasik UTeM dan kemudiannya melepaskan konvoi JMRAS yang menuju ke destinasi program seterusnya.



10 Oktober : Majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) telah diadakan baru-baru ini bagi mengiktiraf sumbangan dan pencapaian cemerlang ahli akademik sepanjang tahun 2012 yang lalu.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, penganjuran AAU merupakan tanda penghargaan kepada ahli akademik UTeM yang telah menjana kecemerlangan dalam bidang akademik dan penyelidikan serta inovasi sekaligus mengharumkan nama universiti di persada global.

Menurut beliau lagi, UTeM sentiasa komited untuk terus menghargai sumbangan ahli akademiknya yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam aspek pengajaran, penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan yang merupakan pemangkin ke arah

UTeM Iktiraf Kecemerlangan AHLI AKADEMIK

menjadikan UTeM sebagai sebuah institusi pengajian teknikal yang cemerlang dan terbilang.

Antara penerima anugerah adalah Nuridawati Mustafa dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) bagi Anugerah Pengajaran, Dr. Abdul Rahim Abdullah dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) meraih Anugerah Penyelidikan dan Prof. Madya Dr. T. Joseph Sahaya Anand dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) menerima Anugerah Penyelidikan.



Penganjuran

ProvSec 2013

LONJAK NAMA UTeM DI PERSADA ANTARABANGSA

25 Oktober : Persidangan The 7th International Conference on Provable Security 2013 (ProvSec 2013) dianjurkan oleh UTeM baru-baru ini telah mendapat pujian daripada peserta antarabangsa yang mengambil bahagian.

Persidangan yang dipengerusikan oleh Dr. Shekh Faisal Abdul Latip, Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Haji Kamel Ariffin Mohd Atan, Presiden Malaysian Society for Cryptology Research (MSCR).



Dr. Shekh ketika ditemui berkata, ProvSec 2013 merupakan persidangan yang menghimpunkan pakar-pakar keselamatan teknologi maklumat tempatan dan antarabangsa dari Amerika Syarikat, Australia, Russia, Perancis, Switzerland, Jepun, China, Hong Kong, Singapura dan India.

Persidangan itu telah menyaksikan sebanyak 18 kertas kerja yang terpilih dari pelbagai tajuk yang berkaitan dengan bidang keselamatan teknologi maklumat khususnya kriptografi dibentangkan.

"ProvSec 2013 merupakan satu persidangan berfokus kepada aspek Provable Security dan bidang yang berkaitan. Oleh itu persidangan ini merupakan persidangan yang berskala kecil yang disertai hanya oleh pakar-pakar di dalam bidang berkenaan" ujar beliau lagi.

Katanya lagi, selaku tuan rumah bagi persidangan kali ke-7, UTeM mengharapkan agar program yang telah dijalankan telah dapat menjalankan hubungan kerjasama antara ahli akademik dan penyelidik di dalam bidang kriptografi di samping dapat mempromosikan negeri Melaka dan mengharumkan nama universiti di peringkat antarabangsa.



*Persidangan dan Pameran Antarabangsa
bertemakan*

“KELESTARIAN TENAGA dan BAHAN TERMAJU”



30 Oktober : Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) hari ini menganjurkan Persidangan dan Pameran Antarabangsa yang ketiga dengan tema “Kelestarian Tenaga dan Bahan Termaju” (ICE-SEAM 2013) bertempat di Melaka International Trade Center (MITC).

Menurut Dekan FKM, Engr. Dr. Noreffendy Tamaldin selaku Pengurus Pengajian Program ICE-SEAM 2013 berkata, persidangan antarabangsa itu melibatkan penyertaan pakar-pakar industri dan ahli-ahli akademik ternama yang akan berkongsi pengetahuan berkaitan penemuan dan perkembangan terkini bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat.

Bertemakan “Kelestarian Tenaga dan Bahan Termaju”, persidangan dan pameran itu dilihat menjadi platform terhadap perkembangan kejuruteraan kelestarian tenaga dan bahan termaju dalam negara serta menjadikan UTeM sebagai salah satu pusat kecemerlangan dalam bidang tersebut seterusnya menjadi perintis jaringan akademik dalam menyediakan ruang perkongsian ilmu antara penyelidik serta ahli akademik tempatan, antarabangsa, jurutera dan pengamal industri.

ICE-SEAM 2013 adalah kolaborasi bersama Universitas Sebalas Maret (UNS), Indonesia serta gabungan daripada Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). MTUN merupakan gabungan empat universiti teknikal di Malaysia iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Majlis perasmian ICE-SEAM 2013 telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Penyelidik UTeM MENYERLAH DI BIOMALAYSIA 2013

30 Oktober : Hasil penyelidikan UTeM terus mendapat perhatian apabila meraih beberapa anugerah sewaktu menyertai Persidangan dan Pameran BioMalaysia 2013 di Johor Bahru baru-baru ini.

BioMalaysia 2013 dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia merupakan acara persidangan serta pameran produk dan perkhidmatan dalam bidang bioteknologi menghimpunkan pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa.

Pada penyertaan itu, UTeM membawa pulang satu pingat perak dan tiga gangsa melalui hasil penyelidikan berkaitan bidang bioteknologi.



Penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) Dr. Mohd Fadzli Abdollah dengan hasil penyelidikannya Nano-oil for Greener Future berjaya meraih pingat perak manakala Mohd Fairuz Dimin dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dianugerah pingat gangsa melalui penghasilan S-Fertilizer.

Pingat gangsa seterusnya dianugerahkan kepada Prof. Madya Dr. Azizah Saaban dari FKP melalui penyelidikannya bertajuk Agro Wave Shield dan Ir. Ridza Azri Ramlee dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dengan Unintrusive Method for Detecting Cholesterol Presence.

Menurut Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UTeM (CRIM) dalam kenyataanya menjelaskan bahawa penyertaan universiti dalam BioMalaysia 2013 bertujuan membuka peluang kepada penyelidik dalam bidang tujuh bioteknologi untuk meluaskan jaringan penyelidikan serta memberi pendedahan terhadap perkembangan teknologi semasa.



PEMIMPIN MAHASISWA

diseru Berfikiran
Kreatif & Inovatif

30 Oktober : Mahasiswa yang menjadi pemimpin persatuan dan kelab di UTeM akan dilatih dan diasuh secara holistik agar menjadi pemimpin berwawasan di masa akan datang.

Demikian menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid di dalam satu pertemuan bersama lebih 60 orang presiden persatuan dan kelab di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Menurut Dr. Izaidin lagi, pertemuan yang pertama kali diadakan itu adalah bagi berkenalan dan mengetahui perkembangan terkini persatuan dan kelab di UTeM.

Dalam pertemuan itu, beliau menyeru pemimpin kelab dan persatuan agar sentiasa berfikiran terbuka, menerima pendapat dan kritikan, dapat membuat keputusan serta sentiasa mengambil tanggungjawab di dalam keputusan yang dibuat.

Pada pertemuan tersebut, turut diadakan sesi penerangan mengenai format membuat kertas kerja aktiviti, permohonan bajet persatuan dan kelab, peraturan kewangan yang perlu dipatuhi serta laporan-laporan yang perlu dihantar ke pejabat HEPA selepas aktiviti dijalankan.

Dr. Izaidin juga mengingatkan pemimpin persatuan dan kelab agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan universiti dan menjaga nama baik UTeM semasa mengadakan program dan aktiviti samada di dalam atau di luar kampus serta tidak mengabaikan pelajaran dari masa ke semasa.





Pasukan Oracle Vehicle Wakili UTeM Ke Peringkat Akhir Pertandingan

31 Oktober : Seramai 45 orang mahasiswa tahun satu dan dua Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah menyertai pertandingan "#fit2drive" dianjurkan oleh Institut Automatif Malaysia (MAI) dengan kerjasama Puspakom, DRB Hicom, Proton dan MIROS baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, pasukan yang menamakan diri mereka "Oracle Vehicle" berjaya mara ke pertandingan akhir yang akan berlangsung pada 6 November ini di Pusat Kecemerlangan PROTON di Shah Alam.

Menurut pensyarah FTK, Ir. Mohd Farriz Basar selaku penasihat pasukan itu berkata, pertandingan #fit2drive bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap persekitaran pemanduan yang selamat melalui laman sosial seperti Facebook dan Twitter.

Kumpulan "Oracle Vehicle" dianggotai oleh Afif Zulhilmi Sahariman, Fazliana Ahmad Buderi, Nurul Atiqah Rahman, Fakhru Faiz Hamdan dan Aliff Farhan Zamri.

#fit2drive

Menurut salah seorang ahli pasukan itu, Fazliana Ahmad Buderi berkata, kempen yang dibawakan oleh kumpulannya adalah untuk menyedarkan orang ramai bahawa kemalangan yang berlaku di Malaysia disebabkan oleh kenderaan yang tidak diservis dengan sempurna.

"Daripada kajian yang telah kami dijalankan, sikap pengguna yang mengambil mudah dalam aspek penjagaan kereta adalah punca utama hingga menyebabkan kenderaan tersebut tidak selamat untuk dipandu," kata Fazliana.

Jelas beliau, sebanyak 23 video dihasilkan dan lebih daripada 50 cugankata telah dikongsi bersama masyarakat umum melalui Facebook di www.facebook.com/oraclevehicle dengan penyertaan 5,000 orang melayari laman tersebut.



KELAB KEUSAHAWANAN UTeM ANJUR


KARNIVAL JUALAN IT

PENERBIT UTeM ANJUR PAMERAN DAN JUALAN BUKU AKADEMIK 2013

7 Oktober : Kelab Keusahawanan UTeM telah menganjurkan Karnival Jualan IT di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Kampus Induk baru-baru ini.

Menurut Penolong Pendaftar, Unit Keusahawanan HEPA, Muhamad Zulkhalid Md. Isa berkata, karnival itu dianjurkan bagi memudahkan golongan pelajar supaya dapat membeli barang produk komputer dengan harga yang lebih murah dari harga pasaran.

Sambutan yang diberikan oleh warga kampus dan masyarakat setempat amat menggalakkan dengan setiap gerai dipenuhi oleh pelajar-pelajar. Bagi memeriahkan program itu turut diadakan jualan barang lain seperti pakaian,buku dan eksesori telefon.



7 Oktober : Kelab Keusahawanan UTeM telah menganjurkan Karnival Jualan IT di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Kampus Induk baru-baru ini.


Menurut Penolong Pendaftar, Unit Keusahawanan HEPA, Muhamad Zulkhalid Md. Isa berkata, karnival itu dianjurkan bagi memudahkan golongan pelajar supaya dapat membeli barang produk komputer dengan harga yang lebih murah dari harga pasaran. Sambutan yang diberikan oleh warga kampus dan masyarakat setempat amat menggalakkan dengan setiap gerai dipenuhi oleh pelajar-pelajar. Bagi memeriahkan program itu turut diadakan jualan barang lain seperti pakaian,buku dan eksesori telefon.

Bagi Muhammad Zubir Ramli dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) berkata, beliau dapat membeli peralatan komputer dengan murah bagi tujuan penggunaan pembelajaran di kelas.

Beliau juga mengharapkan agar karnival sedemikian dapat diadakan lebih kerap di dalam kampus bagi memudahkan pelajar mendapatkan buku dan peralatan komputer dengan lebih mudah dan murah.

Bagi Muhammad Zubir Ramli dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) berkata, beliau dapat membeli peralatan komputer dengan murah bagi tujuan penggunaan pembelajaran di kelas.

Beliau juga mengharapkan agar karnival sedemikian dapat diadakan lebih kerap di dalam kampus bagi memudahkan pelajar mendapatkan buku dan peralatan komputer dengan lebih mudah dan murah.



MAHASISWA UTeM TEKAD PERANGI RASUAH



10 Oktober : Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Sekretariat Pencegahan Rasuah UTeM (SPR UTeM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Program Pemantapan Siswa Berintegriti di Taman Botanikal Melaka, Ayer Keroh baru-baru ini.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar Kanan HEPA, Zainudin Ahmad serta dihadiri Timbalan Pengarah SPRM Melaka, Pengerusi Kanan Mokhtar Sani, pengarah program, Tengku Ahmad Farid Tengku Azlan, pegawai HEPA dan lebih 100 ahli SPR UTeM.

Menurut Tengku Ahmad Farid, selain mendidik mahasiswa agar tidak terjebak dalam gejala rasuah, program itu juga bertujuan menanam nilai-nilai murni dalam diri peserta ke arah melahirkan masyarakat berintegriti.

Antara program yang dijalankan ialah ceramah bertajuk "Rasuah Musuh Utama" disampaikan oleh Ketua Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM Melaka, Zuriati Ariffin. Turut diadakan "Explorace Kami Ganyang Rasuah" di sekitar Taman Botanikal dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

Kembara Persaudaraan Islam UTeM Di Kemboja

Disambut Baik Oleh Masyarakat Setempat

17 Oktober : Seramai enam orang warga kerja UTeM kini berada di Kemboja bagi melaksanakan program Kembara Persaudaraan Islam di negara tersebut.

Pengarah Pusat Islam UTeM, Dr. Radzuan Nordin yang mengetuai kembara itu ketika dihubungi di Bandar Pouthisat Kemboja berkata, delegasi sedang giat melaksanakan misi dengan mengunjungi beberapa perkampungan Islam bagi menyalurkan bantuan kepada mereka.

"Antara program yang sedang dilaksanakan ialah ibadah korban melibatkan 16 ekor lembu serta pembinaan 20 buah pergi wakaf untuk kegunaan orang ramai dan setakat ini segala urusan berjalan dengan lancar," katanya.

Turut diadakan penyampaian bantuan kepada sekolah-sekolah agama di daerah itu bagi menambahbaik kemudahan pendidikan serta sumbangan pakaian kepada penduduk yang memerlukan.

Jelasnya lagi, kehadiran delegasi UTeM sentiasa disambut baik oleh penduduk kampung dilawati dan mereka amat menghargai bantuan yang disampaikan.

Kembara itu turut disertai Bendahari UTeM Khairul Taib, Ab Rahim Ibrahim, Syamsul Iqbal Mohd Akin, Noraini Buang serta Mohd Farid Supangi.

Tambahnya, menerusi program tersebut, UTeM membela nasib masyarakat minoriti Islam di Kemboja yang serba kekurangan khususnya dalam bidang pendidikan dan kemudahan asas.

Kembara Persaudaraan Islam yang memasuki edisi kedua penganjurannya berjaya mengumpul dana sebanyak RM 63,000 menerusi sumbangan warga UTeM, badan-badan korporat seperti institusi kewangan dan orang perseorangan.





PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN

HARIMAU MUDA B

7 Oktober : Peminat bola sepak tanahair hari ini berpeluang menyaksikan perlawanannya persahabatan di antara pasukan UTeM dan Harimau Muda B di Kampus Induk Durian Tunggal.

Pengarah Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat UTeM, Fazidah Ithnin dalam kenyataannya berkata, perlawanannya yang dianjurkan bertujuan menunjukkan sokongan padu kepada pasukan bola sepak negara serta mempromosikan gaya hidup sihat melalui sukan.

Sementara itu, jurulatih pasukan UTeM Sapien Wahid yang ditemui berkata, sokongan yang diberikan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk bertemu Harimau Muda B merupakan satu peluang keemasan bagi pasukannya untuk menimba pengalaman dan memantapkan mutu permainan.

Menurutnya lagi, pasukan UTeM kini dalam persiapan rapi untuk menghadapi beberapa kejohanan besar seperti Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) serta Liga Melaka yang sedang berlangsung.

Pada perlawanannya tersebut, UTeM tewas 0-4 kepada pasukan Harimau Muda B namun berpuashati kerana telah mengharungi perlawanannya dengan menunjukkan semangat juang yang tinggi.

Naib Canselor turut hadir memberi sokongan padu serta meraikan kehadiran pemain dan pegawai Harimau Muda B ke Kampus Induk.





UTeM TEKAD BERI PERSEMPBAHAN TERBAIK DI KEJOHANAN

SUKUM 2013

>>>>



31 Oktober : UTeM mensasarkan tiga pingat emas di Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia 2013 (SUKUM 2013) yang akan berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi mulai 2 hingga 10 November ini.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus berkata, acara yang disasarkan meraih pingat emas ialah olahraga kategori veteran, boling padang lelaki dan boling padang wanita.

Sasaran ini berdasarkan pencapaian kejohanan SUKUM yang diadakan tahun lepas di Universiti Utara Malaysia (UUM) di mana UTeM berjaya mengutip dua pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa," jelas Dr. Asiah.

Menurutnya lagi, pada edisi kali ini, UTeM menghantar seramai 144 orang atlet dengan penyertaan dalam 12 daripada 20 acara yang dipertandingkan.

Antara acara yang disertai oleh kontinjen UTeM ialah bolasepak, bola jaring, karom, dart, olahraga, tenpin bowling, sepaktakraw serta bola tampar lelaki dan wanita.

Dr. Asiah ditemui dalam satu majlis penyerahan bendera kepada kontinjen UTeM serta bacaan ikrar atlet di Kampus Induk Durian Tunggal.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid.

Dr. Izaidin dalam ucapannya melahirkan sokongan padu dan mengharapkan kontinjen UTeM akan membawa lebih banyak kejayaan serta bertanding dengan penuh semangat kesukuanan.

TEMASYA OLAHRAGA TAHUNAN UTeM PLATFORM WARGA UNIVERSITI PAMER KECEMERLANGAN

31 Oktober : Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah merangkul johan keseluruhan kategori pelajar pada Kejohanan Olahraga Tahunan yang berlangsung di Kompleks Sukan Kampus Induk baru-baru ini.

FKM telah memenangi enam pingat emas, enam perak dan empat gangsa. Pingat emas dimenangi dalam acara lontar peluru wanita, merejam lembing wanita, 100 meter lelaki, 200 meter lelaki, 400 meter lelaki dan 4 x 100 meter lelaki.

Manakala naib johan disandang oleh Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan memenangi enam pingat emas, tiga perak dan empat gangsa, manakala juara tahun lalu Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) sekadar di tempat ketiga dengan memenangi lima pingat emas, tujuh perak dan tujuh gangsa.

Olahragawan kategori pelajar lelaki dinobatkan kepada Nor Fadli Nor Mohamed dari FKP yang memenangi tiga pingat emas dalam acara 800 meter, 1500 meter dan 4x400 meter.

Olahragawati pelajar wanita pula disandang oleh Low Mooi Fang dari FTMK dengan mengutip dua pingat emas dalam acara 100 meter dan 4 x 100 meter .

Sementara itu, pasukan gabungan Pejabat Bendahari, Penerbit Universiti dan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran pula mengungguli kategori staf dengan memperolehi lapan emas, satu perak dan lima gangsa.

Olahragawan Staf menjadi milik Rahim Bakar melalui kutipan dua pingat emas dan satu perak manakala Siti Masshiela Azman yang meraih dua pingat emas dalam acara lontar peluru dan lempar cakera bergelar Olahragawati Staf.

Naib Johan keseluruhan pula disandang oleh pasukan Canselor manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan FKP. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibudin mewakili Naib Canselor.



KETUA EDITOR :



Fazidah Ithnin

WARTAWAN :



Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :



Aziza Md Buang



Khairul Fakhruddin Borhan



Zaffaruddin Hamzah

JURU FOTO :



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

PENGEDARAN :



Yang Sarinah Mohd Talib



Mohammad Taufik Osman

UTeMEX 2013

Menerokai Teknologi Futuristik



EXPO PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2013

BIDANG

Green Technology

Teknologi Hijau

Human - Technology Interaction

Manusia - Interaksi Teknologi

System Engineering

Kejuruteraan Sistem

Emerging Technology

Teknologi Mendaratang

Other Technology

Terbuka (Open Category)

12 Disember 2013
Dewan Besar UTeM

Tarikh Tutup Penyertaan
30 September 2013

Pendaftaran boleh dilakukan di laman web
www.utm.edu.my/utemex2013

Hubungi Urus setia UTeMEX 2013:
06-331 6067/6068/6069/6027
Email: utemex@utm.edu.my